

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan justifikasi perkhidmatan bas mini diperkenalkan semula setelah lama dihentikan. Adakah perkhidmatan bas mini masih sesuai beroperasi dalam keadaan kesesakan trafik yang teruk.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan bas yang diperkenalkan ini adalah bas “midi”. Ia telah diperkenalkan oleh Prasarana Malaysia Berhad bagi menambahbaik kesalinghubungan (“*connectivity*”) untuk “*First mile*” di laluan-laluan tempatan yang strategik khususnya di laluan yang melalui jalan yang sempit khususnya di kawasan penempatan yang padat seperti di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

2. Laluan yang dipilih bagi tempoh percubaan ini adalah laluan tempatan iaitu T300 (Bukit Indah – Ampang Point melalui Jalan Rasmi), T304 (Bukit Indah – Ampang Point melalui Jalan Ampang) dan T784 (LRT Taman Bahagia – Damansara Utama). Ketiga-tiga laluan ini dioperasikan oleh Rapid KL.

3. Dalam tempoh percubaan selama 3 bulan oleh perkhidmatan bas “midi” ini, didapati terdapat peningkatan pada penumpang bagi laluan T300 dan T304 iaitu masing-masing sebanyak 6 peratus dan 57 peratus. Kekerapan pada perjalanan juga meningkat daripada 20 minit ke 15 minit. Di bawah ini adalah maklumbalas-maklumbalas yang diterima daripada penumpang melalui media sosial:

- a. Waktu menunggu menjadi singkat disebabkan peningkatan kekerapan bas;
- b. Saiz bas yang kecil adalah bersesuaian dengan keadaan jalan yang sempit;
- c. Kemudahan bas berhawa dingin yang disediakan memberi keselesaan kepada penumpang terutamanya ketika cuaca panas; dan
- d. Informasi perkhidmatan seperti waktu dan lokasi ketibaan dan pelepasan serta kekerapan bas dipamerkan di perhentian bas. Informasi ini juga telah kongsi di dalam media sosial.

Sekian, terima kasih.